

Sampah menimbun, air 40 sungai dikategori bahaya

# Sungai Malaysia teruk tercemar

**KUALA LUMPUR** 18 Julai – Sungai jadi tong sampah! Jangan cari salah orang lain, tuding jari ke arah diri sendiri malah rakyat Malaysia tiada pilihan mengakui hakikat sikap mereka menjadi punca sungai-sungai di seluruh negara tercemar.

Bayangkan dalam setiap bulan, hampir 2,000 tan sampah dan sisa pepejal buangan komersial serta perindustrian terpaksa dikutip daripada sungai-sungai di seluruh negara.

Berdasarkan data Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), 1,887 tan sampah sarap dikutip menggunakan perangkap sampah di sungai-sungai seluruh negara setiap bulan.

Di Selangor sahaja, 990 tan sampah dikutip dalam sebulan diikuti Pulau Pinang, 300 tan dan Johor 240 tan.

Ekoran sikap negatif dan mentaliti kelas ketiga itu, saban tahun kerajaan terpaksa membelanjakan ratusan juta ringgit bagi memelihara dan memulihara sungai. Namun ia sia-sia kerana rakyat masih gemar menjadikan sungai sebagai tong sampah.

Sikap buruk ini mengakibatkan sekurang-kurangnya 45 sungai di negara ini dikategorikan sebagai tercemar dan berbahaya kepada habitat di dalamnya serta juga manusia. Ia termasuk tujuh lembangan sungai yang dikelaskan pada Tahap 3, 4 dan 5 iaitu kategori tercemar atau sangat tercemar hasil ujian kualiti air oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Johor negeri paling banyak tercemar melibatkan 18 sungai dengan satu daripadanya kritikal iaitu Sungai Tukang Batu di Pasir Gudang.

Di Lembah Klang, kebanyakan sungainya juga dikategorikan sebagai tercemar pada Tahap 3 dan Tahap 4.

Selama hampir sebulan, wartawan-wartawan Unit Khas *Utusan Malaysia* meninjau sungai terbabit.

Hasilnya menakutkan. Tindakan segera semua pihak diperlukan bagi memastikan sungai kita terpelihara.

## SUNGAI PENCHALA

Di sepanjang 12 kilometer sungai ini, terdapat industri perkilangan, bengkel, premis makanan dan penempatan yang menjadi penyumbang utama pencemarannya.

Sekurang-kurangnya 54 industri perkilangan, 36 bengkel dan 55 premis makanan menggunakan parit atau longkang sebagai tempat membuang sampah pepejal atau cecair.

Di Taman Rimba Kiara, dua kilometer dari punca sungai, air dari kawasan padang golf berhampiran mula bercampur air parit yang tercemar dari kawasan penempatan.

Airnya keruh dan berbau busuk. Malah baunya dapat dihidu pada jarak 30 meter daripada tebing.

Ketiadaan perangkap sampah menyebabkan karung dan botol plastik bersepadu di dasarnya yang cetek.

Air berbau busuk dan keruh, turut dikesan di kawasan perumahan dan industri di Seksyen 19 dan 14 Petaling Jaya sehingga di tepi Lebuhraya

## MUKADIMAH

AKIBAT tangan-tangan manusia yang mengotorakan sungai-sungai dengan timbunan sampah sarap mahupun bahan buangan pusat komersial atau industri, kerajaan terpaksa mengeluarkan ratusan juta ringgit untuk memulihara dan merawatnya.

Pada masa ini terdapat sekurang-kurangnya 45 sungai termasuk pecahan daripada tujuh lembangan sungai di seluruh negara yang dikategorikan sebagai tercemar teruk iaitu Tahap 3, 4 dan 5.

Kajian Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati air dari sungai-sungai ini mengandungi logam berat

Persekutuan.

Keadaan sungai dikesan lebih teruk berhampiran Stesen Komuter Seri Setia, Jalan Klang Lama. Runtuhan tembok batu sebesar kayu balak yang menghalang aliran airnya.

Sampah plastik memenuhi sekitar tebing walaupun terdapat papan tanda program "1Negeri 1Sungai" anjuran JPS.

Di PJS/5 pula, airnya keruh dipenuhi sampah plastik sehingga ke Sungai Klang.

## SUNGAI KERAYONG

Ia salah satu sungai yang digunakan bagi mengalirkan air keluar dari pusat bandar raya Kuala Lumpur melalui terowong SMART.

Namun, keadaan sungainya yang dipenuhi sampah sarap dan pelbagai enapan di dasarnya bukan sahaja menyekat aliran sungai bahkan mampu menyebabkan projek SMART yang menelan belanja RM1.2 bilion itu tidak berfungsi sepenuhnya.

Ia melalui perumahan setinggan Kampung Sungai Kerayong di Taman Maluri dan Kampung Sri Indah di Sungai Besi sehingga ke kawasan perindustrian di Jalan Chan Sow Lin sebelum bertemu Sungai Klang di Taman Desa, Jalan Klang Lama.

Di Kampung Sri Indah, sungai ini hanya 200 meter dari rumah kediaman menyebabkan keadaan airnya sangat kotor dan dipenuhi sampah.

Berhampiran kampung itu terdapat kawasan perindustrian barangan lusuh dan sekolah.

Penduduk mendakwa sering melihat pekerja kilang membuang sisa pepejal ke dalam sungai ketika musim hujan.

Di kawasan industri Jalan Chan Sow Lin, sisa kumbahan dari kilang disalurkan ke longkang dan mengalir ke sungai ini tanpa rawatan.

Penduduk sekitar sering melihat pekerja kilang mencampakkan guni sampah ke dalam sungai tanpa menghiraukan kesannya.

## SUNGAI KEROH

Ia bermula di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong. Di punca sungai, airnya bersih tetapi berubah menjadi kotor dan berbau busuk apabila menyusuri keluar FRIM melalui Kepong.



## LAPORAN KHAS

yang berbahaya kepada habitat dan juga manusia seperti arsenik, raksa, kadmium, kromium, plumbum dan zink.

Tinjauan Unit Khas *Utusan Malaysia* kira-kira sebulan mendapati, pencemaran sungai berpunca daripada budaya tidak ambil peduli dan menjadikan

sungai sebagai tong sampah oleh masyarakat.

Ditambah pula pencemaran daripada aktiviti pertanian, penternakan, penempatan serta perindustrian berhampiran sungai yang tidak terkawal.

Siri 1 Laporan khas hari ini mendedahkan hasil penemuan wartawan **MUHAMMAD AMIRUL AFIQ MASTOR, AZRAI MOHAMMAD dan ROSALINDA MD. SAID** serta jurugambar **AZRUL EDHAM MOHD.AMINUDDIN dan DJOHAN SHAHRIN SHAH** yang menyelusuri sungai-sungai di Lembah Klang bagi mengetahui punca-punca pencemaran.



EMPAT daripada lima sungai yang airnya berpunca dari lembangan Sungai Pinang di Pulau Pinang dikenal pasti antara lebih 45 sungai tercemar di seluruh negara. Sungai Pinang ini sendiri dikategorikan pada Tahap 3.

Bukan sahaja dipenuhi sampah sarap malah menjadi laluan bangkai babi dan ternakan lain serta buangan peralatan rumah seperti sofa dan peti sejuk.

Seperti namanya, air sungai ini memang memualkan. Apabila hujan, terdapat bangkai-bangkai babi menyusurnya dipercayai dibuang pengusaha ladang berhampiran.

Airnya daripada keruh kini sudah bertukar menjadi hitam dan berminyak dan ada ketikanya kemerahan.

Tinjauan berhampiran Stesen Komuter Segambut mendapati keadaan sungai itu juga kotor, terdapat bangkai ayam terapung di dalam sungai terbabit beserta sampah sarap.

Kawasan sekitarnya terdapat kilang memproses ayam serta ladang ternakan babi di samping kilang lain yang dekat dengan rizab sungai.

Sisa kumbahan dari kilang-kilang berkenaan disalurkan secara terus ke dalam sungai tanpa sebarang proses pembersihan mengakibatkan sungai itu bertambah kotor.

Sungai ini bertemu dengan Sungai Batu berhampiran Lebuhraya Duta Ulu Kelang (DUKE) di Jalan Ipoh.

Salah seorang penduduk memberitahu, Sungai Keroh kini sudah kritikal kerana sampah sarap dan sisa pepejal kelihatan di dasarnya.

"Saya sering melihat kereta berhenti di tepi jalan semata-mata mahu buang sampah ke sungai ini. Mereka ingat sungai ini tong sampah?" katanya yang sudah 28 tahun menetap di Taman Beringin, Jinjang.

## SUNGAI KLANG

Di pusat bandar raya Kuala Lumpur, keadaan sungai ini memang bersih namun belumlah bebas sepenuhnya daripada sampah sarap khususnya di kawasan yang berdekatan bangunan komersial.

Namun, tinjauan di luar ibu negara, seperti di kawasan Taman Medan dan Kampung Datuk Harun di Petaling Jaya iaitu di kawasan Selangor mendapati sungai ini masih kotor dan dicemari sampah sarap bukan sahaja di atas permukaan malah di tebing.

Di PJS 2 pula, tebing sungai dijadikan tempat longgokan bahan terpakai seperti sofa, peti sejuk, almari

dan bangkai kenderaan yang dibiarkan tanpa sebarang pembersihan.

Beberapa kilang berhampiran sungai ini di kawasan PJS 3 dan Bandar Sunway juga memburukkan lagi keadaan di Sungai Klang.

Faktanya, makin jauh dari Kuala Lumpur keadaan Sungai Klang semakin kotor.

## SUNGAI GOMBAK

Usaha kerajaan membersihkan dan mencantikkan sungai ini memang berjaya mengubah persepsi dan pandangan di sungai ini, namun itu hanya di pusat bandar raya.

Menuju ke Titiwangsa, keadaan sungai semakin kotor dan dipenuhi sampah sarap terutama di belakang perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul dan kawasan berhampiran Stesen LRT Titiwangsa.

Keadaan sama juga dilihat di perumahan Flat Sri Perak. Kawasan perumahan yang banyak dibina di sepanjang sungai ini dari Sentul hingga ke Gombak mengakibatkan banyak bahan buangan domestik mencemarkan sungai berkenaan.



PEMANDANGAN ini dirakamkan di Sungai Kerayong berhampiran Kampung Sri Indah, Sungai Besi, Kuala Lumpur baru-baru ini. Pencemaran sungai ini dikategorikan Tahap 4.



BURUNG bangau ini tidak sedar nyawanya dalam bahaya di Sungai Gombak, Kuala Lumpur.



SUNGAI Keroh, Selangor ini juga antara yang tercemar dengan kategori Tahap 4.